

# PM tolak fungsi baru Apec

23 OCT 1993

Foreign Trips  
Daripada Hambali Abdul Latif

LIMASSOL (Cyprus), Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak cadangan supaya Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dijadikan sebuah kesatuan ekonomi seperti Kesatuan Eropah (EC).

Menurut Perdana Menteri, Apec sepatutnya menjadi badan kerjasama yang membabitkan semua negara di Lingkungan Pasifik termasuk Chile, Equador, Peru dan tidak terhad kepada negara tertentu.

"Apec tidak boleh dijadikan kawasan perdagangan bebas dan jika semua negara di Lingkungan Pasifik menyertai kerjasama, barulah ia benar-benar bercirikan Apec," katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengadakan rundingan dua hala dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Goh Chok Tong, pagi ini.

Rundingan selama 45 minit itu menentuhkan isu-isu berkaitan Asia Tenggara, termasuk Apec. Ia diadakan di Hotel Le Meridien, pusat persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) ke-15.

Dr Mahathir yang mendapat maklumat bahawa Apec akan dijadikan badan seperti EC, menyifatkan cadangan itu terlalu awal.

Beliau mengulangi pendiriannya untuk tidak menyertai pertemuan ketua-ketua kerajaan Apec di Seattle pertengahan bulan depan, lebih-lebih lagi dengan adanya cadangan baru supaya ia dijadikan pertemuan ketua-ketua kerajaan setiap tiga tahun sekali.

"Saya ada menyatakan kepada dia (Goh) saya tidak akan pergi ke Seattle, lebih-lebih lagi ada cadangan supaya pertemuan diadakan tiga tahun sekali," katanya.

Difahamkan, cadangan menjadikan Apec sebagai kesatuan ekonomi ditimbulkan oleh satu kajian Kumpulan Tokoh Asia-Pasifik.

Laporan itu, yang sepatutnya sulit dibocorkan kepada sebuah agensi berita Amerika Syarikat dan sejak itu perbincangan mengenainya belum selesai.

Sebelum ini, Dr Mahathir mengumumkan keengganannya menghadiri pertemuan di Seattle kerana cadangan itu bukannya daripada mesyuarat Apec sebaliknya oleh Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton.

Perdana Menteri menegaskan pendirian Malaysia mengenai Apec dan pertemuan di Seattle ada kaitan rapat dengan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

"Walaupun Clinton sehingga sekarang tidak begitu keras menentang EAEC tetapi belum ada pendiriannya yang jelas," katanya.

Menurut laporan akhbar *The Australian* pada 20 Oktober lalu, Perdana Menteri Singapura memberikan sokongan padu kepada cadangan Australia menjadikan Apec sebagai badan perundingan ekonomi utama